

02/03/2003

Cuepacs saran bayar gaji 13 bulan setahun

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mengemukakan memorandum kepada kerajaan beberapa hari lagi agar mempertimbangkan pembayaran 13 bulan gaji setahun kepada kakitangan awam sebagai ganjaran yang boleh dimanfaatkan untuk mencergaskan semula sektor ekonomi dan peruncitan negara.

Presiden Cuepacs, Datuk S Siva Subramaniam, berkata pihaknya menghargai pembayaran bonus yang diberi tetapi ia hanya dibayar atas budi bicara kerajaan dan harus dibezakan dengan gaji bulanan.

"Perkembangan ekonomi negara dan peningkatan perbelanjaan semasa, khususnya jika dibandingkan dengan sektor swasta, wajar diambil kira bagi memastikan mutu hidup kakitangan awam tidak merosot berikutan kekurangan kuasa membeli.

"Mengikut perkiraan waktu kerja mingguan, iaitu dalam tempoh 52 minggu setahun, kita dapati kakitangan awam hanya menerima bayaran untuk tempoh kira-kira 48 minggu saja dan ini merugikan mereka memandangkan jumlah hari dalam bulan tertentu tidak sama.

"Sehubungan itu, Cuepacs akan mengemukakan satu memorandum berhubung pelaksanaan cadangan itu kepada kerajaan minggu ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Cuepacs yang dihadiri kira-kira 200 kesatuan gabungan Cuepacs di sini semalam.

Siva berkata, jika kerajaan bersetuju dengan pelaksanaan bayaran gaji 13 bulan setahun itu, ia sudah tentu dapat mengurangkan beban kakitangan awam, terutama pada musim perayaan atau awal persekolahan apabila perbelanjaan isi rumah lazimnya bertambah.

Sebelum ini, memorandum Cuepacs berhubung rasa tidak puas hati terhadap kaedah kenaikan pangkat Skim Saraan Baru (SSB) yang didakwa tidak mesra kakitangan awam meyakinkan kerajaan memperkenalkan Skim Saraan Malaysia (SSM) tahun lalu.

Selain itu, memorandum Cuepacs juga berjaya mendapatkan bonus terbaik untuk kakitangan awam menerusi rundingan dengan kerajaan sejak pemberiannya dimulakan pada 1993 dan kesatuan gabungan itu juga akur dengan keputusan kerajaan tidak memberi bonus bagi 1999 berikutan krisis ekonomi 1998.

Kesetiaan Cuepacs itu mendorong kerajaan memberi bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200.

Dalam perkembangan lain, mesyuarat Cuepacs semalam turut meluluskan satu resolusi khas membantah tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq sebelum hasil laporan terkini Pemeriksa Senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNMOVIC) didedahkan kepada umum.

Siva berkata sikap kerajaan George W Bush begitu tergesa-gesa mahu menyerang Iraq tanpa menghiraukan Resolusi 1441 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Piagam PBB akan membawa kesan yang serius kepada dunia.

Tambah beliau, Majlis Antarabangsa Doktor Perubatan menjangka serangan terhadap Iraq akan mengorbankan antara 48,000 hingga 260,000 nyawa, termasuk kira-kira 20,000 orang semasa peperangan berlaku dan anggaran 200,000 lagi berikutan kemerosotan tahap penjagaan kesihatan.

Katanya, perang berkenaan tidak hanya mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan di Iraq saja, sebaliknya ia akan mencetuskan gelombang keganasan di negara lain terutama yang berjiran dengannya, termasuk Timur Tengah.

Dalam mesyuarat semalam, Cuepacs turut memutuskan untuk menghantar nota

bantahan berhubung serangan terhadap Iraq kepada Kedutaan Amerika Syarikat di sini dalam masa terdekat.

Siva juga berterima kasih kepada kakitangan awam kerana menyertai perhimpunan aman yang turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lalu di mana lebih 100,000 orang, termasuk 15,000 kakitangan kerajaan, menghadirinya bagi menggesa penyelesaian aman krisis Iraq.

Selain itu tambah Siva, perang terhadap Iraq juga membawa kesan kepada ekonomi sejagat di mana Malaysia sendiri terpaksa menaikkan harga minyak sebanyak dua sen berikutan peningkatan harga komoditi itu dalam pasaran antarabangsa.

Walaupun alasan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berhubung kenaikan itu munasabah, Cuepacs mahu kerajaan memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan keperluan lain yang tiada kaitan dengan kenaikan harga minyak.

Cuepacs juga menyambut baik cadangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menggalakkan program pertukaran pelajar antara sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.

Semalam, Abdullah berkata program pertukaran pelajar wajar diperkenalkan bagi merapatkan hubungan antara pelajar berbilang kaum yang akan mengeratkan perpaduan di kalangan pelajar.